

Mahkamah Persekutuan tolak rayuan Anwar

BH - 3 AUG 2000

KIJALA LUMPUR. Ratu - Mahkamah Persekutuan di sini hari ini menolak rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi menolak permohonanannya untuk memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela.

Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Eusoff Chin, yang bersidang bersama Hakim Besar Malaya, Tan Sri Wan Adnan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul

Malek Ahmad membuat keputusan itu selepas Anwar enggan meneruskan hujah rayuannya.

Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang turut merayu keputusan itu memberi arahan kepada peguam belanya, Gobind Singh Deo supaya tidak meneruskan hujah dalam rayuan itu.

Mohd Eusoff memberitahu Anwar bahawa mahkamah menolak rayuannya kerana hujah tidak dikemukakan bagi menyokong rayuannya.

Bagaimanapun, katanya, Anwar boleh menggunakan alasan keputusan Mahkamah Tinggi itu dalam rayuannya jika dia ingin merayu keputusan Hakim Datuk Ariffin Jaka yang akan dibuat pada Jumaat ini.

Ariffin menetapkan Jumaat ini untuk membuat keputusan kes liwat membabitkan Anwar dan Sukma Darmawan terhadap Azizan Abu Bakar.

Sebelum itu, Mohd Eusoff memberitahu Anwar dia boleh mendapatkan

khidmat peguam untuk berhujah bagi pihaknya kerana rayuan yang akan dide-ngar itu membabitkan perkara undang-undang.

Bagaimanapun, Anwar menolak pelawaan Mohd Eusoff itu dan memberitahu mahkamah bahawa dia tidak akan meneruskan hujahnya tetapi tidak menarik balik rayuannya.

Anwar berkata, secara teknikal rayuannya tetap diteruskan tetapi tidak ingin berhujah kerana hilang keyakinan terhadap Mohd Eusoff yang enggan mena-

rik diri daripada mendengar rayuan itu.

Mohd Eusoff kemudian memberitahu Anwar bahawa rayuannya akan ditolak jika dia tidak meneruskan hujah.

Peguam Karpal Singh yang berada di mahkamah bangun memberi pandangannya bahawa mahkamah tidak boleh menolak rayuan itu, tetapi boleh membatalkannya.

Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah bersetuju dengan Karpal tetapi pada masa yang sama setuju de-

ngan Mohd Eusoff supaya rayuan itu ditolak kerana tidak ada penghujahan.

Pada Jun lalu, Mahkamah Rayuan menolak rayuan Anwar dan Sukma Darmawan untuk mengetepikan keputusan Ariffin berhubung kehadiran Dr Mahathir.

Ariffin dalam keputusannya pada 21 April lalu, memutuskan bahawa Dr Mahathir tidak perlu hadir sebagai saksi pembela untuk memberi keterangan dalam perbicaraan kes liwat.